

Beli kereta setahun berniaga

Wan Noor Aini makan angin ke luar negara hasil insentif jualan Tupperware



>>Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@nstp.com.my

BERGANTUNG kepada pendapatan suami sebanyak RM1,000 saja sebulan, hidupnya sekeluarga sebelum ini memang sukar.

Hampir setiap bulan mereka kesempatan wang kerana selepas membayar ansuran rumah dan motosikal, baki yang tinggal ada ketikanya hanya RM50.

"Kesusahan hidup yang dilalui sedikit sebanyak membuka hati saya melakukan sesuatu bagi menambah pendapatan keluarga.

"Mujuirlah ketika itu kami diperkenalkan dengan perniagaan Tupperware Brands ini," demikian kata seorang calon Anugerah Inspira Tupperware Brands, Wan Noor Aini Wan Yaacob.

Wan Noor Aini, 43, pernah bekerja di sebuah syarikat swasta di ibu kota, tetapi terpaksa berhenti kerja kerana berpindah ke Seremban.

Kata ibu kepada tiga anak ini, selepas berhenti kerja pada 1998, kehidupan keluarganya

sangat sukar kerana mereka hanya bergantung kepada gaji suaminya saja.

Untuk menambah pendapatan keluarga, dia mencuba banyak perniagaan jualan langsung, tetapi semuanya tidak berjaya sehingga dia dipertemukan dengan Siti Rohani Abdul Manap atau lebih dikenali sebagai 'mama' di pusat perniagaan Tupperware Brands di Seremban.

Dia berkunjung ke pusat perniagaan itu hanya kerana mahu menukar penutup bekas saja, tetapi mama menyarankan supaya dia menyertainya sebagai ahli kerana terdapat banyak faedah selain berpeluang membeli barangan dengan harga yang lebih murah.

"Selepas menjadi ahli, barulah saya mula memahami peluang perniagaan ini. Tanpa membuang masa, saya memperkenalkan barangan kepada jiran dan keluarga terdekat terlebih dulu.

"Namun, masalah yang dihadapi ketika itu saya tidak mempunyai modal, jadi setiap pesanan yang diterima saya meminta pelanggan membayar deposit terlebih dulu.

"Dengan deposit yang diberi itulah saya membeli barangan yang dipesan dan

hasil keuntungan yang diterima, disimpan untuk dijadikan modal pusingan," katanya.

Menurut Wan Noor Aini, walaupun menerima banyak pesanan daripada jiran dan keluarga, dia dan suami tetap berdepan kesukaran untuk menghantarnya kepada pelanggan kerana ketika itu mereka hanya memiliki motosikal.

Setiap kali menghantar barangan ke rumah pelanggan, Wan Noor Aini meminta suaminya meletakkan motosikal jauh dari pintu rumah mereka kerana malu dengan keadaan keluarganya.

"Bayangkan dengan menaiki motosikal, saya dan suami membawa pelbagai jenis barang untuk dihantar. Mujuirlah produk ini ringan meskipun saiznya agak besar.

"Saya akui ada ketikanya bera-sa malu dan rendah diri setiap kali menghantar barangan ke rumah pelanggan, tetapi ia tidak sesekali mematahkan semangat untuk terus berniaga," katanya.

Selepas setahun menjalankan perniagaan, Wan Noor Aini dan suaminya dapat membeli kereta pertama mereka iaitu Proton Saga Iswara Aeroback pada 2004.

Katanya, untuk memudahkan urusan penghantaran pesanan, dia turut mengambil lesen memandu.

"Empat bulan selepas membeli kereta, jumlah jualan saya meningkat kepada RM100,000 dengan jumlah ahli bawahan melebihi 30 orang.

"Kejayaan berkenaan membolehkan saya menerima insentif lawatan ke New Zealand dengan perbelanjaan dan duit

poket juga diberi.

"Itulah pertama kali saya menaiki kapal terbang dan kenangan itu memang sukar dilupakan kerana siapa sangka wanita yang tidak berpelajaran tinggi seperti saya mampu ke luar negara," katanya riang.

Kata Wan Noor Aini lagi, pada 2007, rezekinya mula bertambah dengan jualan ketika itu mencecah hingga RM40,000 sebulan.

Sejak itu, kehidupan keluarganya juga berubah dan mereka mula mengecap kesenangan.

Setiap komisen yang diterima disimpan untuk kegunaan perbelanjaan keluarga dan perniagaan.

Menurut Wan Noor Aini, dia yakin dengan perniagaan yang dijalankan itu kerana Tupperware Brands hanya menjual barangan yang berkualiti dengan jaminan sepanjang hayat.

Setiap minggu, sekurang-kurangnya satu majlis perjumpaan akan diadakan bersama ahli bawahannya dan kesempatan itu digunakannya untuk merancang pelbagai aktiviti termasuk merangka strategi untuk meningkatkan jualan organisasinya.

"Kelebihan perniagaan ini berbanding jualan langsung lain ialah kami tidak mempunyai saingan.

"Selain itu, kami tidak memaksa sesiapa untuk membeli sebaliknya memberi mereka peluang untuk mencubanya sendiri terlebih dulu.

"Barangan Tupperware Brands memang berkualiti dan rekaannya menepati cita rasa serta gaya hidup masyarakat hari ini," katanya yang menetapkan sasaran untuk ke peringkat Pengarah Eksekutif Bersekutu dan men-

FOTO | Munira Abdul Ghani



WAN NOOR AINI (INSPIRA08)... kesusahan mendorongnya untuk mengubah nasib keluarga.

capai sasaran jualan organisasi sebanyak RM300,000.

Wanita gigih yang pernah memenangi anugerah Top 2 dan Top 3 pegerang di Seremban berkata, dia gembira kerana penat lelahnya meredah hujan panas menghantar barangan kepada pelanggan selama ini berbaloi dan sama sekali tidak menyangka mampu mengecap kesenangan seperti hari ini.

Anak sulungnya kini turut membantunya menghantar barangan kepada pelanggan dan dia berhasrat untuk mendendulkannya dengan selok belok perniagaan berkenaan sedikit demi sedikit.

"Sebelum ini, saya pernah menyertai 12 jenis perniagaan

langsung, tetapi tiada satu pun yang memberi kejayaan seperti mana yang saya kecapi bersama perniagaan ini.

"Alhamdulillah, pendapatan yang saya raih dengan perniagaan ini mampu menyangkakan keluarga dan situasi berkenaan memang jauh berbeza berbanding sebelum saya menyertai Tupperware Brands.

"Pencalonan saya dalam Anugerah Inspira ini memang sama sekali tidak diduga namun saya sedar, tiada yang mustahil untuk dicapai jika ada keazaman, kesungguhan dan tidak malu untuk mencuba," kata Pengarah Lima Bintang Tupperware Brands ini.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah peribadi atau teman, e-mel kami di mysinspira@tupperware.com untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini mejadi inspirasi bagi anda, sila undi dan menang hadiah sumbangan Tupperware Brands berjumlah RM50,000. Hadiah minggu ini ialah Giant Canister 10L (gambar di bawah) bernilai RM67.40

UNDI & MENANG



Sila taip

<tupperware><jarak><anugerah><jarak>

<inspira08><jarak><nama anda><jarak><negeri anda> hantar sms ke 32300.

Cth: tupperware anugerah inspira08 Anita Sofia Selangor.

RM0.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

Tingkatkan taraf hidup anda dengan



Tupperware

Brands

Memperkayakan • Mendidik • Menceriakan

Sertailah ribuan wanita Malaysia dan lebih 2 juta di serata dunia yang telah berjaya bersama Tupperware Brands. Tel: 1 800 88 3456 www.tupperwarebrands.com.my

Tupperware

naturcare

BEAUTYCONTROL

TUPPERCHEF

Tupper Clean